



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA, NOVEMBER 2021

Bilangan penganggur berkurang bawah 700 ribu orang buat pertama kalinya, paling rendah sejak April 2020

PUTRAJAYA, 10 Januari 2022 – Bilangan penganggur berkurang bawah 700 ribu orang buat pertama kalinya, paling rendah sejak April 2020, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini dalam keluaran Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, November 2021. Statistik ini memperihalkan kedudukan penawaran buruh berdasarkan Survei Tenaga Buruh.

Menurut Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, “Kedudukan tenaga buruh pada November 2021 kekal stabil dengan peningkatan guna tenaga yang berterusan dan penurunan dalam bilangan penganggur berikutan pengoperasian semula lebih banyak aktiviti ekonomi dan sosial yang merangsang kesan positif terhadap pasaran buruh. Bulan November 2021 juga menyaksikan lima lagi negeri telah beralih ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara kecuali negeri Kelantan dan Sarawak yang masih berada dalam Fasa 3. Selain itu, kadar vaksinasi lengkap keseluruhan terus meningkat sementara bilangan kes harian COVID-19 semakin berkurang. Situasi yang menggalakkan ini juga telah mendorong kepada lebih banyak aktiviti perjalanan dalam dan luar negara pada bulan tersebut, dan selanjutnya turut mempengaruhi pasaran buruh pada November 2021.”

Mengulas lanjut, beliau berkata, “Penduduk bekerja pada November 2021 terus meningkat bagi empat bulan berturut-turut dengan peningkatan 0.4 peratus bulan ke bulan mencatatkan 15.61 juta orang (Oktober 2021: 15.55 juta orang). Nisbah guna tenaga kepada penduduk yang menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan guna tenaga meningkat sebanyak 0.2 mata peratus kepada 66.0 peratus pada November 2021 (Oktober 2021: 65.8%). Pada masa yang sama, bilangan penganggur berkurang kepada paras di bawah 700 ribu orang buat pertama kalinya, yang mana paling rendah direkodkan sejak April 2020, dengan penurunan sebanyak 1.5 peratus bulan ke bulan kepada 694.4 ribu orang (Oktober 2021: 705.0 ribu orang). Kadar pengangguran pada November 2021 kekal seperti bulan sebelumnya iaitu 4.3 peratus berikutan lebih ramai golongan tidak aktif mula mencari pekerjaan yang ditunjukkan oleh penurunan 0.3 peratus luar tenaga buruh kepada 7.34 juta orang pada bulan tersebut (Oktober 2021: 7.36 juta orang). Justeru, kadar penyertaan tenaga buruh pada November 2021 terus meningkat kepada 68.9 peratus (Oktober 2021: 68.8%) dengan bilangan tenaga buruh bertambah sebanyak 0.3 peratus kepada 16.30 juta

orang (Oktober 2021: 16.26 juta orang)."

Mengikut sektor ekonomi, guna tenaga dalam sektor Perkhidmatan terus mencatatkan trend peningkatan terutamanya dalam aktiviti Perdagangan borong dan runcit; Perkhidmatan makanan & minuman; dan Pengangkutan & penyimpanan. Trend yang sama turut dilihat dalam sektor Pembuatan dan Pembinaan manakala guna tenaga dalam sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian terus menurun. Menambah lanjut kepada perkara ini, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Permintaan buruh didapati meningkat selari dengan pembukaan semula aktiviti ekonomi. Ini termasuk sektor berkaitan pelancongan seperti aktiviti Penginapan dan Kesenian, hiburan & rekreasi. Selain itu, prospek ekonomi yang lebih menyakinkan juga akan mendorong orang ramai untuk mencari pekerjaan yang lebih baik."

Dari segi taraf pekerjaan, kategori pekerja merangkumi 76.9 peratus daripada jumlah penduduk bekerja. Kategori ini terus meningkat sebanyak 0.2 peratus merekodkan 12.0 juta orang (Oktober 2021: 11.97 juta orang). Begitu juga dengan kategori penduduk bekerja sendiri yang sebahagian besarnya terdiri daripada penerima gaji harian yang bekerja sebagai pengusaha perniagaan kecil seperti peruncit; penjaja; penjual di pasar dan gerai; serta pekebun kecil terus meningkat pada bulan November sebanyak 0.8 peratus kepada 2.63 juta orang (Oktober 2021: 2.61 juta orang). Pertumbuhan positif dalam kedua-dua kategori ini didorong oleh pembukaan semula aktiviti perniagaan yang berterusan pada bulan tersebut.


Mengulas lanjut mengenai situasi pengangguran pada November 2021, Ketua Perangkawan berkata, "Dari segi kategori pengangguran, 83.8 peratus daripada jumlah penganggur adalah penganggur aktif atau mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan. Kumpulan ini menurun sebanyak 1.3 peratus kepada 581.8 ribu orang (Oktober 2021: 589.5 ribu orang). Mengikut tempoh pengangguran, 55.7 peratus adalah penganggur kurang daripada tiga bulan manakala 7.8 peratus adalah mereka yang menganggur jangka panjang melebihi setahun. Bagi mereka yang percaya tiada pekerjaan tersedia atau penganggur tidak aktif, bilangannya menurun sebanyak 2.5 peratus kepada 112.6 ribu orang (Oktober 2021: 115.4 ribu orang). Dalam pada itu, kadar pengangguran belia bagi umur 15 hingga 24 tahun menurun sebanyak 0.2 mata peratus kepada 13.7 peratus, setelah merekodkan 13.9 peratus sejak Ogos 2021. Walau bagaimanapun, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 30 tahun mencatatkan peningkatan marginal iaitu sebanyak 0.1 mata peratus bulan ke bulan kepada 8.2 peratus (Oktober 2021: 8.1%)."

Merumuskan keseluruhan kedudukan tenaga buruh, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Kedudukan tenaga buruh Malaysia meningkat secara beransur-ansur sejak Ogos 2021 berikutan sebahagian besar aktiviti ekonomi dan sosial telah beroperasi seperti biasa dengan pematuhan kepada prosedur operasi standard yang ketat. Pengoperasian aktiviti tersebut secara berterusan juga akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan, sekali gus membuka lebih banyak ruang kepada pencari


kerja dan seterusnya akan mengukuhkan pasaran buruh pada bulan-bulan yang akan datang. Bencana banjir yang melanda kawasan tengah dan pantai timur negara baru-baru ini dilihat lebih menjejaskan kawasan setempat dan dijangka tidak memberi impak yang ketara kepada keseluruhan pasaran buruh negara. Selain itu, fasa pemulihan pasaran buruh juga mungkin berdepan dengan cabaran susulan kewujudan varian baharu COVID-19 iaitu Omicron.”

Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022.

Carta 1: Pengangguran, Malaysia, Januari 2020 - November 2021



Carta 2: Kadar pengangguran, Malaysia, Januari 2020 - November 2021



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan pada jam 1200, Isnin, 10 Januari 2022

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

10 JANUARI 2022



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT STATISTICS OF LABOUR FORCE, MALAYSIA, NOVEMBER 2021

***Number of unemployed reduced to below
700 thousand persons for the first time, the lowest since April 2020***

PUTRAJAYA, 10 January 2022 – The number of unemployed reduced to below 700 thousand persons for the first time, the lowest since April 2020, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today on Statistics of Labour Force, Malaysia, November 2021. The statistics described the labour supply situation based on the Labour Force Survey.

According to Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia, "The labour force situation in November 2021 held steady with continuing employment growth and reducing number of unemployed persons as the revival of more economic and social activities has stimulated a positive vibe to the labour market. November 2021 also saw another five states had moved into Phase 4 of the National Recovery Plan except for Kelantan and Sarawak which were still in Phase 3. Additionally, the completed overall vaccination rate remained increasing while the number of daily COVID-19 cases continued to decline. These encouraging circumstances also had resulted in more travelling activities domestic and abroad during the month, hence influencing the labour market in November 2021."

Commenting further, he said, "Employed persons in November 2021 continued to rise for four consecutive months with an increase of 0.4 per cent month-on-month recording 15.61 million persons (October 2021: 15.55 million persons). The employment-to-population ratio which indicates the ability of an economy to create employment went up by 0.2 percentage points to record 66.0 per cent in November 2021 (October 2021: 65.8%). In the meantime, the unemployed persons reduced to the lowest number below 700 thousand persons for the first time since April 2020, with a decrease of 1.5 per cent month-on-month to 694.4 thousand persons (October 2021: 705.0 thousand persons). The unemployment rate in November 2021 was 4.3 per cent, unchanged from the previous month as more in the inactivity group were searching for jobs which then reflected by a decrease of 0.3 per cent in outside labour force to 7.34 million persons during the month (October 2021: 7.36 million persons). Therefore, the labour force participation rate in November 2021 elevated further to 68.9 per cent (October 2021: 68.8%) with the number of labour force higher by 0.3 per cent to post 16.30 million persons (October 2021: 16.26 million persons)."

By economic sector, the upward trend of employment in Services sector persisted mainly in Wholesale and retail trade; Food & beverages services; and Transport & storage activities. A similar trend was observed in Manufacturing and Construction sectors while employment in Agriculture and Mining & quarrying sectors continued to decrease. Adding to this, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin commented, "It was witnessed that labour demand increased in line with the resumption of economic activities. This includes the tourism-related sectors such as Accommodation and Arts, entertainment & recreational activities. Besides, a promising economic outlook also may prompt people to search for a better job."

In terms of status in employment, the employees' category accounted for 76.9 per cent of the total employed persons. This category continued to climb by 0.2 per cent recording 12.0 million persons (October 2021: 11.97 million persons). Similarly, the own-account workers category which consists mostly of daily income earners working as small business operators such as retailers; hawkers; sellers in markets and stalls; as well as smallholders continued to trend up in November by 0.8 per cent to record 2.63 million persons (October 2021: 2.61 million persons). The positive growth in both categories sustained, and thus reflecting the continuity of the business activities during the month.

Elaborating further on the unemployment situation in November 2021, the Chief Statistician said, "In terms of the unemployment category, 83.8 per cent of the total unemployed persons were the actively unemployed or those who were available for work and were actively seeking jobs. This category declined by 1.3 per cent to register 581.8 thousand persons (October 2021: 589.5 thousand persons). By duration of unemployment, 55.7 per cent were unemployed for less than three months while 7.8 per cent were those in long-term unemployment of more than a year. For those who believed that there were no jobs available or were inactively unemployed, the number dropped 2.5 per cent to 112.6 thousand persons (October 2021: 115.4 thousand persons). In the meantime, the youth unemployment rate for aged 15 to 24 years reduced by 0.2 percentage points to record 13.7 per cent, after registering 13.9 per cent since August 2021. However, the unemployment rate for youth aged 15 to 30 years recorded a marginal increase of 0.1 percentage point month-on-month to register 8.2 per cent (October 2021: 8.1%)."

Concluding the overall labour force situation, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Malaysia's labour force situation is picking up gradually since August 2021 as most economic and social activities were operating as usual in accordance to strict standard operating procedures. The continuous operation of those activities may also create more jobs opportunities, thus giving more chances for the jobseekers and subsequently will strengthen the labour market in the upcoming months. With the recent flood disasters that hit the central and east coast of the country, the impact is foreseen to be more localised and may not be substantial to the entire labour market.

Besides, the recovery path also may face some challenges with the presence of a new COVID-19 variant of Omicron.”

Department of Statistics Malaysia is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 until 31st December 2022.

Chart 1: Unemployment, Malaysia, January 2020 - November 2021





Chart 2: Unemployment rate, Malaysia, January 2020 - November 2021



Released by:

CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA OFFICE

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

10 JANUARY 2022